

**Najib, Muhyiddin Berpakaian Tentera Naiki Kereta Kebal Ke Perarakan ATM
Bernama
21 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perarakan raksasa sempena Hari Angkatan Tentera (ATM) ke-80 Sabtu membuka lembaran baharu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di lokasi dengan lengkap berpakaian tentera serta menaiki kereta perisai.

Kedua-dua mereka yang memakai uniform baharu ATM 'Loreng Digital' tiba berasingan dan menerima tepukan gemuruh penonton.

Najib menggunakan kenderaan perisai AFCV 8X8, kereta kebal terbaharu ATM, dan Muhyiddin yang tiba beberapa minit awal, menaiki kereta perisai model 8X8.

Kedua-dua pemimpin kemudian menerima tabik hormat daripada barisan pegawai dan anggota ATM sebelum diiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin naik ke pentas utama bagi menyaksikan perarakan sempena ulang tahun ATM ke-80.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Perarakan sempena Hari ATM bertemakan 'ATM Perkasa Kedaulatan Terpelihara' itu melibatkan 5,370 pegawai dan anggota serta 200 aset meliputi cabang perkhidmatan darat, udara dan laut.

Acara kemuncak perarakan itu ialah aksi cemas menyelamatkan tebusan hasil gabungan pasukan khas ATM yang dipersembah menggunakan senjata dan bahan letupan sebenar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=979366>